



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**TEKS KHUTBAH AIDILADHA**

**Tajuk :**

**NILAI PENGORBANAN**

**Tarikh Dibaca :**

**10 ZULHIJAH 1444H**

**Disediakan oleh :**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



## NILAI PENGORBANAN

### 10 ZULHIJAH 1444H

اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ  
اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ  
اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ، وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَأَيُّيَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ، قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْكَرِيمِ، : أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ :

إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ ، فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرْ ، إِنَّ شَانِعَكَ هُوَ الْأَبْتَرُ ۝

### **Muslimin Muslimat yang dikasihi sekalian,**

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Persiapkanlah bekalan yang secukupnya menuju hari akhirat dan ingatlah bahawa sebaik-baik bekalan itu ialah takwa. Mudah-mudahan kita sentiasa berada dalam rahmat dan keredhaan Allah SWT di dunia mahupun di akhirat.

Pada pagi Aidiladha yang penuh keberkatan ini saya akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: “**Nilai Pengorbanan**”.

Demi menjaga keharmonian di negara tercinta ini, khatib juga ingin berpesan kepada seluruh umat Islam, agar sentiasa berhati-hati dengan setiap pertuturan dan tindakan yang boleh menjerumuskan diri sendiri dan orang lain ke lembah kekufuran dan kefasiqan. Janganlah kita memeralatkan agama Islam demi mencapai kepentingan sendiri lebih-lebih lagi dalam menghadapi kepelbagaian pandangan, pendapat dan aliran pemikiran yang ada di negara kita.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

### **Muslimin Muslimat yang dirahmati Allah,**

Tiada ungkapan lain yang selayaknya kita ucapkan selain lafaz kesyukuran kepada Allah Azza wa Jalla yang mengurniakan pelbagai kenikmatan kepada kita. Antara nikmat yang tidak ternilai harganya ialah dengan diberi kesempatan kepada kita untuk bertemu sekali lagi dengan Hari Raya Adha (Aidiladha). Marilah kita manfaatkan masa dan nikmat-nikmat ini dengan memaksimumkan ketaatan dan meningkatkan amal ibadah dalam misi kita mencapai keredhaan Allah SWT dan keampunan-Nya.

Setiap kali tiba Hari Raya Adha, kita tidak terlepas dari tiga ibadah besar yang disyariatkan kepada kaum muslimin iaitu solat Hari Raya Adha, ibadah haji dan ibadah korban. Ketiga-tiga ibadah ini mengandungi nilai dan hikmah yang sangat besar dan jika kita menghayatinya dengan penuh mendalam, ia akan menjadikan peribadi kita lebih baik dan semakin dicintai oleh Allah SWT. Allah SWT juga menjanjikan jalan keluar dan rezeki kepada setiap hamba-Nya yang taat mengerjakan suruhan-Nya. Firman Allah SWT dalam Surah al-Talaq ayat 2 yang bermaksud:

*“Dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya)”.*

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

### Muslimin Muslimat Yang Dimuliakan,

Istimewanya Aidiladha kerana padanya terdapat ibadah agung iaitu ibadah haji yang merupakan Rukun Islam kelima. Ibadah haji ini merupakan dambaan bagi setiap Muslim untuk melaksanakannya. Pelaksanaan ibadah haji tertakluk kepada konsep *istito'ah* (kemampuan) individu sebagaimana termaktub dalam firman Allah SWT:

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا

**Maksudnya:** “Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadah haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa **yang mampu** sampai kepadanya”. (Surah ali Imran ayat 97)

*Istito'ah* (kemampuan) menjadi salah satu dari syarat utama yang mewajibkan seseorang untuk menunaikan ibadah haji. Kemampuan di sini juga merangkumi beberapa keadaan iaitu *istito'ah al-maalayah* iaitu kemampuan dari segi harta dan bekalan yang ditinggalkan, juga perbelanjaan untuk menunaikan haji. Seterusnya, *istito'ah al-badaniyyah* iaitu kemampuan fizikal dari segi kesihatan kerana dalam pelaksanaan ibadah haji sememangnya memerlukan kepada kekuatan dan kesihatan fizikal individu. Selain itu, *istito'ah al-amniyyah* iaitu kemampuan atau keadaan rasa aman dan sejahtera seperti selamat dari peperangan atau ancaman wabak sebagaimana yang pernah kita lalui sewaktu pandemik Covid-19 sebelum ini.

Kita juga sedia maklum, ada sebahagian saudara kita yang masih tidak dapat menunaikan ibadah haji berikutan terdapat halangan dari sudut kewangan, kesihatan atau lain-lain lagi. Bersabarlah, kerana ini juga salah satu bentuk ujian dari Allah SWT kepada hamba-Nya bagi tujuan melihat kesungguhan, kepasrahan diri dan rasa redha terhadap apa-apa jua ketentuan Allah SWT. Ia juga menunjukkan bahawa Allah SWT tidak memberati hamba-Nya dengan sesuatu yang di luar kemampuan hamba-Nya.

**Muslimin Muslimat yang dikasihi sekalian,**

Seterusnya, dalam Aidiladha juga disyariatkan ibadah korban. Ibadah ini juga mempunyai nilai kepasrahan diri dan penyerahan yang tinggi. Ia tidak hanya berkait dimensi perhubungan antara makhluk dengan Sang Pencipta, tetapi juga mempunyai dimensi sosial antara manusia dengan manusia. Dalam masa yang sama juga, ia menerapkan nilai *ihsan* dalam hubungan antara manusia dengan haiwan yang akan disembelih.

Hakikatnya, kedua-dua ibadah ini mempunyai nilai kepasrahan dan penyerahan diri, pengorbanan dan ketaatan kepada perintah Allah SWT. Mengambil teladan dari peristiwa Nabi Ibrahim dan anaknya, Nabi Ismail AS dalam peristiwa pensyariatan ibadah korban, ia menjadi petunjuk kepada kesediaan dan kesanggupan kita untuk mengeluarkan sebahagian harta untuk diri sendiri dan manfaat orang lain. Dalam ibadah korban misalnya, haiwan-haiwan ternakan yang dikorbankan sebahagiannya akan disedekahkan kepada golongan fakir miskin.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Hajj ayat 36:

وَالْبُدْنَ جَعَلْنَاهَا لَكُمْ مِّنْ شَعِيرِ اللَّهِ لَكُمْ فِيهَا خَيْرٌ فَأذْكُرُوا أَسْمَ اللَّهِ عَلَيْهَا صَوَافَّ  
فَإِذَا وَجَبَتْ جُنُوبَهَا فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطْعِمُوا الْقَانِعَ وَالْمُعْتَرَّ كَذَلِكَ سَخَّرْنَاهَا لَكُمْ لَعَلَّكُمْ  
تَشْكُرُونَ ۝۳۶

**Maksudnya:** “Dan Kami jadikan unta (yang dihadaikan kepada fakir miskin Makkah itu) sebahagian dari syiar agama Allah untuk kamu; pada menyembelih unta yang tersebut ada kebaikan bagi kamu; oleh itu sebutlah nama Allah (semasa menyembelihnya) ketika ia berdiri di atas tiga kakinya maka apabila ia tumbang (serta putus nyawanya), makanlah sebahagian daripadanya, dan berilah (bahagian yang lain) kepada orang-orang yang tidak meminta dan yang meminta. Demikianlah Kami mudahkan dia untuk kamu (menguasainya dan menyembelihnya) supaya kamu bersyukur”.

Nilah konsep *hablumminallah* dan *hablumminannas* yang diterapkan dalam ibadah ini. Sebenarnya ia bukanlah semata-mata amalan yang diwarisi dari generasi ke generasi, namun padanya terkandung banyak hikmah dan pengajaran. Ia bertujuan mewujudkan rasa kasih dan sayang antara pemberi dan penerima daging korban tersebut. Dengan ibadah ini juga, ia meningkatkan rasa syukur dan berterima kasih antara satu sama lain dan lebih-lebih lagi rasa syukur kepada Allah SWT. Hubungan antara manusia dengan Allah, mestilah diseimbangkan juga dengan hubungan manusia sesama manusia. Allah SWT memberi perintah untuk menyembah-Nya dan dalam masa yang sama diperintahkan juga untuk kita berbuat baik sesama manusia dari kalangan keluarga, jiran tetangga dan seluruh umat manusia umumnya. Firman Allah SWT dalam Surah al-Nisaa ayat 36:

﴿وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ۖ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ  
وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ  
إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا ۗ﴾

**Maksudnya:** “Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membangga-banggakan diri;”.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

**Muslimin Muslimat yang dikasihi sekalian,**

Justeru, sebagai penutup, khatib ingin merumuskan khutbah hari ini kepada beberapa pesanan penting buat saudara-saudari yang dikasihi sekalian;

**Pertama:** Ibadah-ibadah khusus yang terdapat pada Hari Raya Adha ini memiliki nilai yang dan dimensinya yang tersendiri seperti penyerahan diri, konsep tawakal, dan pengorbanan dalam usaha meraih keredhaan dan keampunan Allah SWT.

**Kedua:** Konsep *hablumminallah* dan *hablumminannas* merupakan intipati kepada amal ibadah yang telah disyariatkan kepada kaum muslimin.

**Ketiga:** Ikhlaslah dalam melakukan segala amal ibadah yang telah disyariatkan kepada kita kerana nanti pada akhirnya kita semua akan dinilai berdasarkan setiap amalan apatah lagi amalan tersebut dilakukan dengan ikhlas semata-mata mengharapkan keredhaan Allah SWT.

Firman Allah SWT:

لَنْ يَنَالَ اللَّهُ لُحُومَهَا وَلَا دِمَائُهَا وَلَكِنْ يَنَالُهُ التَّقْوَىٰ مِنْكُمْ كَذَلِكَ سَخَّرَهَا لَكُمْ لِشُكْرِئِ وَأَللَّهُ عَلَىٰ مَا هَدَيْتُمْ وَبَشِّرِ الْمُحْسِنِينَ ٣٧

**Maksudnya:** “Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepada-Nya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan takwa dari kamu. Demikianlah Dia memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat nikmat petunjuk-Nya. Dan sampaikanlah berita gembira (dengan balasan yang sebaik-baiknya) kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amalnya”. (Surah al-Hajj ayat 37)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلَ هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

## KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ،

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### **Muslimin Muslimat Yang Dikasihi Sekalian,**

Marilah kita memperbanyakkan berselawat dan ucapan salam ke atas Baginda Nabi Muhammad SAW. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

**Maksudnya:** “*Sesungguhnya Allah SWT dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad SAW); Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya*”.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.



اللَّهُمَّ أَيِّدْ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَهٖ مَلِكَنَا كِبَاوَهٗ دَوْلِي يَغْ  
 مَاهَا مَوْلِيَا سِرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اِكُوغْ، السُّلْطَانِ عَبْدِ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ  
 الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كِبَاوَهٗ دَوْلِي يَغْ مَاهَا مَوْلِيَا سِرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اِكُوغْ،  
 تُونُوكُو عَزِيزَهٗ أَمِينَهٗ مِيمُونَهٗ إِسْكَندَرِيَهٗ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ  
 إِسْكَندَرِ الْحَاجِّ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ  
 يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،  
 وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
 وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ  
 قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا  
 أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah

mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

وَإِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ١٠  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَأَسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ